





**PENYATA KEWANGAN BERAUDIT  
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada Penyata Kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 34 telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (Pindaan) 1982.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (Pindaan) 1982. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain


Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (Pindaan) 1982, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (Pindaan) 1982 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
(~~ABD~~ GHANI BIN SULAIMAN)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA


SHAH ALAM  
28 OGOS 2020  
9 MUHARAM 1442H



## **PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**

### **PENYATA Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah**

Kami, DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI dan DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA yang merupakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Ekuiti serta nota-nota yang berkaitan dengannya telah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya, perubahan ekuiti serta perubahan kedudukan kewangan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



.....  
Bagi Pihak Lembaga  
**DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**

GELARAN : PENERUSI

TARIKH : 27/8/2020

Tempat : Selangor



.....  
Bagi Pihak Lembaga  
**DATO' MOHD AMIN BIN  
AHMAD AHYA**

GELARAN : AHLI LEMBAGA PENGARAH

TARIKH : 27/8/2020

## **PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**

### **PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, Haji Tamby Omar Bin Mohammed, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Ekuiti serta nota-nota yang berkaitan dengannya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
Diakui oleh penama di atas )  
di Shah Alam, Selangor )

26 AUG 2020

  
HAJI TAMBY OMAR BIN MOHAMMED



No. 3, Tingkat 1 & 2,  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah E9/E  
Seksyen 9, 40000 Shah Alam Selangor

**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA KEWANGAN**

**31 DISEMBER 2019**

**KANDUNGAN**

\*\*\*\*\*

|                                   | <b>Muka Surat</b> |
|-----------------------------------|-------------------|
| PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN        | 1 - 2             |
| PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF   | 3                 |
| PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI    | 4                 |
| PENYATA ALIRAN TUNAI              | 5 - 7             |
| NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN | 8 - 34            |

## PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

(Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

|                                                        |      | Kumpulan           |                    | Perbadanan         |                    |
|--------------------------------------------------------|------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
|                                                        | Nota | 2019<br>RM         | 2018<br>RM         | 2019<br>RM         | 2018<br>RM         |
| <b>Aset Bukan Semasa</b>                               |      |                    |                    |                    |                    |
| Hartanah, loji dan peralatan                           | 3    | 298,246,920        | 288,007,170        | 286,729,199        | 276,475,750        |
| Aset biologi - matang                                  | 4    | 43,688,957         | 45,887,778         | 43,688,957         | 45,887,778         |
| Aset biologi - belum matang                            | 5    | 13,555,859         | 9,680,148          | 13,555,859         | 9,680,148          |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat<br>subsidiari        | 6    | -                  | -                  | 626,374            | 22,703,430         |
| Lain-lain pelaburan                                    | 7    | 217,133,772        | 147,861,686        | 217,133,772        | 147,861,686        |
| Muhibah daripada penyatuan                             | 8    | -                  | 470,487            | -                  | -                  |
| Aset Cukai Tertunda                                    | 17   | -                  | 3,716,008          | -                  | 3,716,000          |
|                                                        |      | <u>572,625,508</u> | <u>495,623,277</u> | <u>561,734,161</u> | <u>506,324,814</u> |
| <b>Aset Semasa</b>                                     |      |                    |                    |                    |                    |
| Hartanah, loji dan peralatan                           | 3    | -                  | 15,686,248         | -                  | -                  |
| Aset biologi ternakan                                  | 9    | -                  | 782,806            | -                  | -                  |
| Pelaburan jangka pendek                                | 10   | 839,390            | 708,478            | 526,734            | 406,074            |
| Inventori                                              | 11   | 930,629            | 710,280            | 930,629            | 654,450            |
| Belum terima dagangan                                  | 12   | 61,100,343         | 22,418,323         | 61,100,343         | 22,352,380         |
| Belum terima lain                                      | 13   | 22,496,553         | 2,388,150          | 22,685,008         | 2,497,699          |
| Jumlah terhutang oleh syarikat-<br>syarikat subsidiari | 14   | -                  | -                  | -                  | 1,628,640          |
| Simpanan tetap dengan bank<br>berlesen                 | 15   | -                  | 25,987,553         | -                  | 25,884,210         |
| Wang tunai dan baki di bank                            |      | <u>11,334,096</u>  | <u>9,704,799</u>   | <u>10,936,778</u>  | <u>8,730,460</u>   |
|                                                        |      | <u>96,701,011</u>  | <u>78,386,637</u>  | <u>96,179,492</u>  | <u>62,153,934</u>  |
| Jumlah Aset                                            |      | <u>669,326,519</u> | <u>574,009,914</u> | <u>657,913,653</u> | <u>568,478,744</u> |
| <b>Dibiayai Oleh:</b>                                  |      |                    |                    |                    |                    |
| Keuntungan terkumpul                                   |      | <u>588,411,381</u> | <u>490,940,302</u> | <u>621,944,527</u> | <u>530,403,090</u> |
|                                                        |      | <u>588,411,381</u> | <u>490,940,302</u> | <u>621,944,527</u> | <u>530,403,099</u> |

|                                                      |      | Kumpulan           |                    | Perbadanan         |                    |
|------------------------------------------------------|------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
|                                                      | Nota | 2019<br>RM         | 2018<br>RM         | 2019<br>RM         | 2018<br>RM         |
| <b>Liabiliti Tertunda Dan Jangka Panjang</b>         |      |                    |                    |                    |                    |
| Pinjaman bank                                        | 16   | 42,592,934         | 44,312,986         | -                  | 1,913,000          |
| Liabiliti cukai tertunda                             | 17   | 1,629,938          | 32,300             | 1,606,338          | -                  |
|                                                      |      | <u>44,222,872</u>  | <u>44,345,286</u>  | <u>1,606,338</u>   | <u>1,913,000</u>   |
| <b>Liabiliti Semasa</b>                              |      |                    |                    |                    |                    |
| Belum bayar dagangan                                 | 18   | 1,790,180          | 1,695,523          | 1,790,180          | 1,679,669          |
| Belum bayar lain                                     | 19   | 21,762,820         | 26,133,493         | 21,725,678         | 25,684,605         |
| Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari | 14   | -                  | -                  | 6,197,162          | 6,194,375          |
| Pinjaman bank                                        | 16   | 10,386,498         | 10,877,710         | 1,913,000          | 2,604,000          |
| Peruntukan cukai                                     |      | 2,752,768          | 17,600             | 2,736,768          | -                  |
|                                                      |      | <u>36,692,266</u>  | <u>38,724,326</u>  | <u>34,362,788</u>  | <u>36,162,649</u>  |
| Jumlah Liabiliti                                     |      | <u>80,915,138</u>  | <u>83,069,612</u>  | <u>35,969,126</u>  | <u>38,075,649</u>  |
| Jumlah Ekuiti dan Liabiliti                          |      | <u>669,326,519</u> | <u>574,009,914</u> | <u>657,913,653</u> | <u>568,478,748</u> |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

|                                     |      | Kumpulan           |                   | Perbadanan         |                   |
|-------------------------------------|------|--------------------|-------------------|--------------------|-------------------|
|                                     | Nota | 2019<br>RM         | 2018<br>RM        | 2019<br>RM         | 2018<br>RM        |
| Pendapatan                          | 20   | 55,600,161         | 62,185,747        | 55,563,518         | 59,312,947        |
| Kos jualan                          |      | (42,224,412)       | (44,511,835)      | (42,189,012)       | (41,088,590)      |
| Keuntungan kasar                    |      | <u>13,375,749</u>  | <u>17,673,912</u> | <u>13,374,506</u>  | <u>18,224,350</u> |
| Lain-lain pendapatan operasi        | 21   | 130,843,370        | 34,804,695        | 130,809,365        | 34,709,350        |
| Perbelanjaan pentadbiran            |      | (27,143,535)       | (10,885,121)      | (12,356,245)       | (10,622,850)      |
| Lain-lain perbelanjaan operasi      |      | (10,420,517)       | (29,434,620)      | (31,502,284)       | (40,507,067)      |
| Keuntungan operasi                  | 22   | <u>106,655,067</u> | <u>12,158,866</u> | <u>100,325,342</u> | <u>1,803,700</u>  |
| Kos kewangan                        | 23   | (559,709)          | (881,660)         | (166,973)          | (303,710)         |
| Keuntungan sebelum cukai            |      | <u>106,095,358</u> | <u>11,277,206</u> | <u>100,158,369</u> | <u>1,500,072</u>  |
| Cukai                               | 24   | (8,624,279)        | (217,754)         | ( 8,616,941)       | (205,670)         |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa |      | <u>97,471,079</u>  | <u>11,059,452</u> | <u>91,541,428</u>  | <u>1,294,438</u>  |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

|                                     | RM                 |
|-------------------------------------|--------------------|
| <b>Kumpulan</b>                     |                    |
| Pada 1 Januari 2019                 | 490,940,302        |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa | 97,471,079         |
| Pada 31 Disember 2019               | <u>588,411,381</u> |

|                                     |                    |
|-------------------------------------|--------------------|
| <b>Perbadanan</b>                   |                    |
| Pada 1 Januari 2019                 | 530,403,099        |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa | 91,541,428         |
| Pada 31 Disember 2019               | <u>621,944,527</u> |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

|                                                           | Nota | Kumpulan      |              | Perbadanan    |              |
|-----------------------------------------------------------|------|---------------|--------------|---------------|--------------|
|                                                           |      | 2019<br>RM    | 2018<br>RM   | 2019<br>RM    | 2018<br>RM   |
| <b>Aliran Tunai Daripada Operasi</b>                      |      |               |              |               |              |
| Keuntungan sebelum cukai                                  |      | 106,095,358   | 11,277,206   | 100,158,369   | 1,500,072    |
| Pelarasan bagi:                                           |      |               |              |               |              |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan                   |      | 10,103,531    | 9,970,638    | 9,981,293     | 8,723,894    |
| Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan    |      | (108,894,101) | (19,305,010) | (108,894,101) | (21,739,750) |
| Keuntungan pelaburan jangka pendek                        |      | (130,912)     | (83,397)     | (120,660)     | (80,993)     |
| Pelunasan perbelanjaan ladang-ladang                      |      | 3,237,092     | 3,188,812    | 3,237,092     | 3,188,812    |
| Pelunasan muhibah                                         |      | 470,487       | 117,623      | -             | -            |
| Hapuskira perbelanjaan pembangunan projek                 |      | 879,261       | 6,931,992    | 879,261       | 6,931,992    |
| Keuntungan aset biologi                                   |      | -             | 503,159      | -             | -            |
| Pelunasan aset biologi ternakan                           |      | -             | 68,096       | -             | -            |
| Peruntukan hutang ragu:                                   |      |               |              |               |              |
| -Belum terima dagangan                                    |      | -             | -            | -             | -            |
| Hapuskira hutang                                          |      | 88,028        | -            | 80,231        | 50,360       |
| Peruntukan rosotnilai pelaburan subsidiari                |      | -             | -            | 22,077,063    | 15,003,958   |
| Perbelanjaan faedah                                       |      | 559,709       | 881,660      | 166,973       | 303,710      |
| Pendapatan faedah                                         |      | (6,715,758)   | (6,105,602)  | (6,715,758)   | (6,082,840)  |
| Kerugian pelupusan syarikat subsidiari                    |      | 16,364,220    | -            | -             | -            |
| Keuntungan daripada operasi sebelum perubahan modal kerja |      | 22,056,915    | 7,445,177    | 20,849,763    | 7,799,212    |

|                                                                              |      | Kumpulan       |              | Perbadanan   |              |
|------------------------------------------------------------------------------|------|----------------|--------------|--------------|--------------|
|                                                                              | Nota | 2019<br>RM     | 2018<br>RM   | 2019<br>RM   | 2018<br>RM   |
| Perubahan dalam modal kerja                                                  |      |                |              |              |              |
| -Inventori                                                                   |      | (220,349)      | 40,793       | (276,179)    | 49,319       |
| -Belum terima dagangan dan belum terima lain                                 |      | (58,870,655)   | (16,891,698) | (59,015,500) | (17,024,872) |
| -Belum bayar dagangan dan belum bayar lain                                   |      | (4,288,755)    | 10,565,461   | (3,848,416)  | 10,646,532   |
| -Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari                        |      | -              | -            | 1,631,434    | 6,862,633    |
|                                                                              |      | (63,379,759)   | (6,285,444)  | (61,508,661) | 533,612      |
| Tunai (digunakan dalam)/diperolehi daripada operasi                          |      | (41,322,844)   | 1,159,735    | (40,658,898) | 8,332,824    |
| Faedah diterima                                                              |      | 6,822,434      | (881,660)    | 6,715,758    | 6,082,847    |
| Faedah dibayar                                                               |      | (559,709)      | 6,105,602    | (166,973)    | (303,710)    |
| Cukai dibayar                                                                |      | (572,365)      | (591,374)    | (557,827)    | (584,474)    |
|                                                                              |      | 5,690,360      | 4,632,568    | 5,990,958    | 5,194,663    |
| Tunai bersih (digunakan dalam)/diperolehi daripada aktiviti-aktiviti operasi |      | (35,632,484) * | 5,792,301    | (34,667,940) | 13,527,487   |
| <b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Pelaburan</b>                     |      |                |              |              |              |
| Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan                    |      | 109,805,143    | 22,897,710   | 109,805,143  | 22,255,842   |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan                                       | 25   | (21,254,321)   | (8,391,967)  | (21,145,774) | (15,104,389) |
| Pembelian aset biologi                                                       |      | -              | 77,001       | -            | -            |
| Penambahan pelaburan jangka pendek                                           |      | -              | (300,000)    | -            | -            |
| Pelaburan dalam subsidiari                                                   |      | -              | -            | -            | -            |
| Pelaburan dalam lain-lain                                                    |      | (69,272,086)   | (12,867,085) | (69,272,086) | (12,867,085) |
| Perbelanjaan/(perolehan) pembangunan projek dan ladang                       |      | (5,793,244)    | (4,430,539)  | (5,793,244)  | (4,430,539)  |
| Terimaan Pinjaman                                                            |      | 392,736        | -            | -            | -            |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan                              |      | 13,878,228     | (3,014,880)  | 13,594,039   | (10,146,171) |

|                                                                 | Kumpulan     |             | Perbadanan   |             |
|-----------------------------------------------------------------|--------------|-------------|--------------|-------------|
|                                                                 | 2019<br>RM   | 2018<br>RM  | 2019<br>RM   | 2018<br>RM  |
| <b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti –Aktiviti Pembiayaan</b>      |              |             |              |             |
| Bayaran balik pinjaman bank                                     | (2,604,000)  | (2,071,050) | (2,604,000)  | (2,604,000) |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan       | (2,604,000)  | (2,071,050) | (2,604,000)  | (2,604,000) |
| <b>(Kurangan) / Lebihan bersih dalam tunai dan tunai setara</b> | (24,358,256) | 706,371     | (23,677,901) | 777,310     |
| <b>Tunai dan tunai setara pada awal tahun kewangan</b>          | 35,692,352   | 34,985,981  | 34,614,679   | 33,837,363  |
| <b>Tunai dan tunai setara pada akhir tahun kewangan</b>         | 11,334,096   | 35,692,352  | 10,936,778   | 34,614,679  |
| <b>Analisa tunai dan tunai setara:</b>                          |              |             |              |             |
| Simpanan tetap dengan bank berlesen                             | -            | 25,987,553  | -            | 25,884,210  |
| Wang tunai dan baki di bank                                     | 11,334,096   | 9,704,799   | 10,936,778   | 8,730,469   |
|                                                                 | 11,334,096   | 35,692,352  | 10,936,778   | 34,614,679  |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**1. Maklumat Korporat**

Perbadanan telah ditubuhkan dibawah Enakmen Negeri Selangor Darul Ehsan No.12 Tahun 1972, Pindaan No. 8 Tahun 1976, Pindaan No.7 Tahun 1982, Pindaan No. 2 Tahun 2005 dengan tujuan membangunkan sosio ekonomi Negeri Selangor Darul Ehsan berdasarkan Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan utama Perbadanan ialah membangunkan tanah-tanah untuk tujuan pertanian, disamping bergiat dalam pelaburan saham, perdagangan, ternakan dan perkhidmatan melalui pelaburan dalam saham-saham syarikat milikan.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan.

Perbadanan mengunapakai Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

**2. Dasar- Dasar Perakaunan Penting**

**(a) i. Asas penyediaan penyata kewangan**

Penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan menurut piawaian-piawaian perakaunan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 2016.

Kumpulan dan Perbadanan telah mengguna pakai MPERS untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Tarikh peralihan kepada rangka kerja MPERS adalah pada 1 Januari 2015.

**ii. Penggunaan anggaran dan pertimbangan yang signifikan**

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPERS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan daripada anggaran ini.

Tiada sebarang bahagian penting dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

**(b) Penyatuan dan penggabungan akaun**

Penyata kewangan Kumpulan terdiri daripada penyata kewangan Perbadanan dan semua syarikat subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Urusniaga antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun-akaun disatukan menunjukkan urusniaga dengan pihak luar sahaja.

Di bawah kaedah perakaunan pengambil alihan, keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambil alih atau dijual pada tahun tersebut akan dimasukkan daripada tarikh pengambil alihan atau sehingga tarikh penjualan. Pada tarikh pengambil alihan, nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat subsidiari ditentukan dan nilai tersebut akan dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan di antara kos pengambil alihan dan nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan sebagai muhibah atau rizab semasa penyatuan, di mana sesuai.

Setelah dikenalpasti, muhibah dinilai pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Pelunasan adalah berdasarkan kos aset ditolak nilai baki. Pelunasan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna tidak ketara dari tarikh ianya sedia untuk digunakan. Anggaran hayat kegunaan bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

|         |          |
|---------|----------|
| Muhibah | 10 tahun |
|---------|----------|

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan, sesebuah anak syarikat termasuk nilai muhibah dibawa berkaitan dengan anak syarikat yang dilupus.

**(c) Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai**

- i. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian penjejasan. Dasar untuk mengenalpasti dan mengukur kerugian penjejasan adalah menurut Nota 2(c)v.
- ii. Susutnilai bagi harta tanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna aset. Susutnilai dikira secara bulanan dalam tahun perolehan atau pembelian.
- iii. Susutnilai dikenakan mulai tahun pembelian atau perolehan sehingga tahun pelupusan.
- iv. Anggaran jangka hayat harta tanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

|                      | Tempoh<br>Tahun                       |
|----------------------|---------------------------------------|
| Tanah pajakan        | Dilunaskan berdasarkan tempoh pajakan |
| Bangunan             | 40 - 100 tahun                        |
| Ladang dan jalanraya | 10 - 25 tahun                         |
| Kolam ikan           | 10 tahun                              |
| Ubahsuaian           | 5 - 10 tahun                          |
| Kenderaan            | 5 - 6 tahun                           |
| Loji dan jentera     | 5 - 14 tahun                          |
| Alatan dan perabot   | 2.5 - 14 tahun                        |

(c) **Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai (sambungan)**

v. **Penjejasan nilai aset**

Amaun yang dibawa bagi aset-aset Kumpulan dan Perbadanan dikaji pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapatnya tanda-tanda bahawa aset-aset tersebut mengalami kerugian penjejasan. Jika tanda-tanda tersebut wujud, penjejasan diukur dengan membandingkan nilai yang dibawa oleh aset tersebut dengan amaun yang dapat diperolehi. Amaun yang dapat diperolehi adalah yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dengan nilai penggunaan, yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan. Amaun yang dapat diperolehi dianggarkan bagi setiap aset atau, jika tidak mungkin, bagi unit yang menghasilkan tunai, di mana aset tersebut berada.

Kerugian penjejasan dicaj serta-merta kepada penyata pendapatan komprehensif, kecuali aset yang dinyatakan pada amaun yang dinilai semula. Sebarang kerugian penjejasan bagi aset yang dinilai semula diambil kira sebagai pengurangan kepada penilaian semula setakat baki lebihan penilaian semula yang dikenal pasti sebelumnya bagi aset yang sama.

Kebalikan bagi kerugian penjejasan yang dikenal pasti pada tahun-tahun terdahulu direkodkan apabila terdapatnya tanda bahawa kerugian penjejasan bagi aset tersebut tidak lagi wujud ataupun telah berkurang. Kebalikan tersebut dikenal pasti setakat amaun yang dibawa bagi aset tersebut yang ditentukan (selepas pelunasan dan susut nilai) jika tiada kerugian penjejasan dikenal pasti.

Kebalikan tersebut diambil kira serta-merta dalam penyata pendapatan komprehensif kecuali aset yang dinyatakan pada amaun yang dinilai semula. Kebalikan bagi kerugian penjejasan atas aset yang dinilai semula dikreditkan terus kepada lebihan penilaian semula. Walau bagaimanapun, kebalikan bagi kerugian penjejasan diambil kira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan komprehensif, setakat kerugian penjejasan atas aset yang sama yang dinilai semula diambil kira terdahulunya sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif.

vi. **Kerja dalam kemajuan**

Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan tiada susutnilai dikenakan. Kerja yang telah disahkan siap sepenuhnya akan dipermodalkan mengikut jenis aset.

(d) **Aset Biologi Ternakan**

Aset biologi ternakan terdiri daripada lembu – lembu tenusu induk yang dinyatakan pada nilai kos. Kos terdiri daripada harga belian asal dan kos – kos lain yang ditanggung untuk membawa aset biologi ternakan ke lokasi semasa. Kos operasi pembiakan diagihkan secara purata kepada lembu-lembu tenusu induk berdasarkan kepada jumlah keseluruhan lembu yang ditenak.

i. **Kos lembu tenusu induk**

Kos lembu tenusu induk merupakan nilai yang diinvois oleh pembekal. Kos ini dilunaskan selama 10 tahun bermula daripada hasil tenusu yang pertama kali diraih. Polisi pelunasan yang digunapakai adalah bersesuaian dan tidak melebihi anggaran tempoh jangka hayat produktif baka – baka tersebut selama 10 tahun.

(e) **Aset biologi matang**

Ladang mengandungi kesemua perbelanjaan pembangunan dan penanaman berkaitan dengannya sejak pokok mula ditanam sehingga ianya matang dan mengeluarkan hasil secara komersil yang dinyatakan pada nilai kos. Kos ini dilunaskan mengikut kadar sama rata dalam tempoh antara 20 hingga 25 tahun.

Belanja pembangunan dan penanaman ladang yang diambilalih daripada subsidiari dilunaskan mengikut baki pajakan.

(f) **Aset biologi belum matang**

Pembangunan projek dan ladang merupakan kos yang terlibat dalam memajukan projek-projek yang berkaitan dengan pertanian. Belanja tahun semasa projek-projek yang berkenaan akan dipermodalkan sehingga keupayaan dikenalpasti manakala projek-projek yang bermasalah akan dihapuskan.

(g) **Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai adalah tunai ditangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Bagi tujuan persembahan penyata aliran tunai, tunai dan tunai setara dinyatakan selepas ditolak overderaf bank dan deposit yang dicagarkan.

(h) **Instrumen Kewangan**

a. **Pengiktirafan dan pengukuran awal**

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya pada harga transaksi (termasuk kos urus niaga kecuali dalam pengiraan awal aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) melainkan transaksi pada hakikatnya adalah transaksi pembiayaan.

Jika transaksi itu menjadi suatu transaksi pembiayaan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai kini bayaran masa hadapan didiskaun pada kadar faedah pasaran bagi instrument hutang yang serupa.

b. **Penilaian berikutan**

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif:-

- i. Pulangan kepada pemegang boleh ditentukan, sebagai contoh amaun pembayaran yang tetap dan/atau kadar berubah berdasarkan kadar faedah yang boleh diperhatikan;
- ii. Pulangan yang tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan

(h) **Instrumen Kewangan (sambungan)**

**b. Penilaian berikutan (sambungan)**

iii. Pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak tergantung pada peristiwa masa depan.

Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah yang tidak didiskaunkan daripada tunai atau pertimbangan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan transaksi pada hakikatnya adalah transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa tidak boleh dijual, dan pelaburan dalam saham yang tidak boleh ditukar dan saham keutamaan biasa tidak boleh dijual diukur pada kos ditolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) adalah dinilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif rosot nilai.

- untuk instrumen diukur pada kos terlunas, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal.
- untuk instrumen diukur pada kos rosot nilai, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh laporan.

**c. Penyahiktirafan**

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau diselesaikan, atau kawalan aset tidak dikekalkan atau sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan tidak diiktiraf dan pertimbangan yang diterima, termasuk apa-apa hak yang baru diwujudkan dan obligasi, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau ditamatkan. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(i) **Rosot nilai untuk aset bukan kewangan**

Aset bukan kewangan yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk rosot nilai setiap tahun. Aset bukan kewangan yang tertakluk kepada susutnilai atau pelunasan akan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai bawa berkemungkinan tidak boleh dipulihkan.

Rosot nilai diiktiraf apabila nilai bawa aset bukan kewangan melebihi nilai boleh pulih. Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset bukan kewangan ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

(i) **Rosot nilai untuk aset bukan kewangan(sambungan)**

Rosot nilai akan dicaj ke untung atau rugi.

Bagi tujuan menilai rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai (unit penjana tunai) boleh dikenal pasti secara berasingan. Aset bukan kewangan selain daripada Muhibah yang mengalami rosot nilai disemak untuk kemungkinan rosot nilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih sejak kerugian rosot nilai terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawa aset tersebut ditingkatkan kepada amaun baik pulih. Peningkatan tersebut tidak melebihi nilai bawa (bersih setelah susutnilai) yang mungkin telah ditentukan, sekiranya tiada rosot nilai. Pembalikan semula diiktiraf di dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan pembalikan diiktiraf. Kerugian rosot nilai atas muhibah tidak diterbalikkan.

(j) **Pelaburan**

i. Saham tersiarharga

Pelaburan adalah di dalam saham tersiarharga dan portfolio. Peruntukan untuk kejatuhan nilai pelaburan hanya dibuat sekiranya terdapat pengurangan kekal dalam nilai pelaburan. Nilai pelaburan dinyatakan pada nilai pasaran semasa.

ii. Syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari merupakan syarikat di mana Perbadanan mempunyai pegangan lebih daripada 50% dalam ekuiti jangka panjangnya dan di mana Perbadanan mempunyai pengaruh penting dalam pengurusanannya.

Pelaburan-pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada asas kos atau nilai yang ditetapkan oleh para pengarah tolak peruntukan bagi sebarang rosotnilai yang tetap.

iii. Lain-lain

Lain-lain pelaburan dinyatakan pada nilai pasaran semasa.

(k) **Inventori**

Inventori terdiri daripada hasil-hasil pertanian, ternakan, ternakair, diesel dan baja. Inventori ini dinilai pada harga kos (mengikut kaedah masuk dahulu keluar dahulu atau purata wajaran). Semua kos langsung yang berkaitan semasa pembelian inventori.

Inventori hasil ternakan dinilai mengikut kaedah nilai terendah di antara nilai langsung berbanding nilai pasaran semasa.

(l) **Akaun Amanah**

Akaun Amanah merupakan penerimaan daripada pihak ketiga untuk tujuan yang tertentu.

(m) **Pengiktirafan pendapatan**

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila risiko dan ganjaran signifikan pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli dan penerimaan hasil dijangka akan berlaku. Hasil dikira pada nilai saksama bagi pembayaran yang diterima atau boleh diterima, bersih dari diskaun niaga dan cukai berkaitan hasil.

Lain-lain pendapatan diiktiraf sebagai pendapatan seperti berikut:

- i. Jualan tanah diambil kira selepas perjanjian jualbeli ditandatangani dan 10% deposit diterima setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa berkaitan.
- ii. Pendapatan sewaan diambil kira pada tarikh sewaan diinboiskan.
- iii. Pendapatan faedah dan dividen diambil kira menggunakan asas akruan.

(n) **Cukai semasa dan tertunda**

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif kecuali pada tahap di mana ia berkaitan dengan penggabungan perniagaan atau butiran yang diiktiraf terus dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah cukai yang perlu dibayar yang dijangka atau boleh diterima ke atas pendapatan atau kerugian cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh laporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara antara amaun dibawa aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada perakaunan atau untung atau rugi boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila ia dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama atas entiti cukai yang sama, atau ke atas entiti cukai yang berbeza, tetapi bercadang untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa atas dasar bersih atau aset dan liabiliti cukai direalisasikan secara serentak. Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan ke tahap di mana ia tidak lagi berkemungkinan bahawa manfaat cukai berkaitan akan direalisasi.

(o) **Pajakan dan sewabeli**

Suatu pajakan akan diiktiraf sebagai pajakan kewangan/sewabeli jika keseluruhan risiko dan manfaat daripada pemilikan aset pajakan dipindahkan kepada penerima pajakan. Lain-lain jenis pajakan akan dikelaskan sebagai pajakan operasi.

- i. Pajakan kewangan/sewabeli

Harta yang diperolehi dengan cara pajakan kewangan/sewabeli dinyatakan pada suatu jumlah yang sama dengan nilai yang lebih rendah antara nilai saksama dan nilai minimum semasa pembayaran pajakan pada permulaan pajakan, tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penjejasan.

(o) **Pajakan dan sewabeli (sambungan)**

ii. **Pajakan operasi**

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif berdasarkan asas garis lurus pada sepanjang tempoh pajakan.

(p) **Pertukaran matawang asing**

Transaksi dalam matawang asing diterjemahkan kepada matawang fungsian pada kadar tukaran semasa transaksi berlaku.

Aset monetari dan liabiliti berdominasikan matawang asing pada tarikh akhir tahun kewangan diterjemahkan semula kepada matawang fungsian pada tarikh tersebut.

Aset bukan monetari dan liabiliti berdominasikan matawang asing tidak diterjemahkan semula pada tarikh akhir tahun kewangan kecuali yang mana dinyatakan pada nilai saksama yang diterjemah semula pada tarikh nilai saksama dibuat.

Kesemua perbezaan matawang asing diiktiraf ke untung atau rugi.

(q) **Ganjaran kakitangan**

(i) **Ganjaran jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan cuti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan.

(ii) **Pelan caruman wajib**

Perbadanan dikehendaki membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan. Majikan dan kakitangan membuat caruman bulanan kepada KWSP mengikut kadar yang ditetapkan. Caruman kepada KWSP ditunjukkan sebagai kos kakitangan.

(r) **Peruntukan**

Tanggungan dikenalpasti sebagai peruntukan apabila berkemungkinan terdapat aliran keluar sumber untuk menyempurnakan tanggungan tersebut di mana tempoh dan amaun tanggungan adalah tidak pasti.

(s) **Kos pinjaman**

Semua kos pinjaman dicaj kepada penyata pendapatan komprehensif sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia berlaku.

## 3. Hartanah, Loji Dan Peralatan

| Kumpulan                                                          | Tanah<br>pajakan | Bangunan     | Infra &<br>jalanraya | Ubah<br>suaian | Kenderaan<br>bermotor | Loji dan<br>jentera | Alatan<br>dan<br>perabot | Billboard | Kabin  | Kerja<br>Dalam<br>Kemajuan | Jumlah       |
|-------------------------------------------------------------------|------------------|--------------|----------------------|----------------|-----------------------|---------------------|--------------------------|-----------|--------|----------------------------|--------------|
|                                                                   | RM               | RM           | RM                   | RM             | RM                    | RM                  | RM                       | RM        | RM     | RM                         | RM           |
| <b>Kos</b>                                                        |                  |              |                      |                |                       |                     |                          |           |        |                            |              |
| Pada 1.1.2019                                                     | 160,880,061      | 173,979,840  | 32,044,046           | -              | 5,222,803             | 27,778,232          | 5,619,223                | 663,313   | 52,740 | 1,393,098                  | 407,633,356  |
| Pengkelasan                                                       | -                | 1,864,623    | -                    | -              | -                     | -                   | 7,300                    | -         | -      | (1,871,923)                | -            |
| Penambahan                                                        | 1,234,924        | 15,318,720   | 900,674              | -              | 562,720               | 923,260             | 492,114                  | -         | 38,220 | 3,580,229                  | 23,050,861   |
| Pelupusan                                                         | (3,166,084)      | -            | -                    | -              | (1)                   | -                   | (1,950)                  | -         | -      | -                          | (3,168,035)  |
| Penyahgabungan                                                    | -                | (18,958,077) | -                    | -              | (475,537)             | (3,434,856)         | (100,302)                | -         | -      | -                          | (22,968,772) |
| Pada 31.12.2019                                                   | 158,948,901      | 172,205,106  | 32,944,720           | -              | 5,309,985             | 25,266,636          | 6,016,385                | 663,313   | 90,960 | 3,101,404                  | 404,547,410  |
| <b>Susutnilai terkumpul</b>                                       |                  |              |                      |                |                       |                     |                          |           |        |                            |              |
| Pada 1.1.2019                                                     | 16,102,321       | 43,182,198   | 21,776,740           | -              | 3,088,108             | 15,080,656          | 4,034,073                | 663,311   | 12,531 | -                          | 103,939,938  |
| Susutnilai bagi tahun<br>kewangan                                 | 1,618,838        | 3,908,636    | 1,598,468            | -              | 803,980               | 1,746,193           | 420,430                  | -         | 6,986  | -                          | 10,103,531   |
| Pelupusan                                                         | (459,662)        | (78)         | -                    | -              | -                     | -                   | (715)                    | -         | -      | -                          | (460,455)    |
| Penyahgabungan                                                    | -                | (3,676,988)  | -                    | -              | (432,804)             | (3,123,353)         | (49,379)                 | -         | -      | -                          | (7,282,524)  |
| Pada 31.12.2019                                                   | 17,261,497       | 43,413,768   | 23,375,208           | -              | 3,459,284             | 13,703,496          | 4,404,409                | 663,311   | 19,517 | -                          | 106,300,490  |
| <b>Nilai pembawa</b>                                              |                  |              |                      |                |                       |                     |                          |           |        |                            |              |
| Pada 31.12.2019                                                   | 141,687,404      | 128,791,338  | 9,569,512            | -              | 1,850,701             | 11,563,140          | 1,611,976                | 2         | 71,443 | 3,101,404                  | 298,246,920  |
| Pada 31.12.2018                                                   | 144,777,740      | 130,797,642  | 10,267,306           | -              | 2,134,695             | 12,697,576          | 1,585,150                | 2         | 40,209 | 1,393,098                  | 303,693,418  |
| <b>Susutnilai bagi tahun<br/>kewangan berakhir<br/>31.12.2018</b> |                  |              |                      |                |                       |                     |                          |           |        |                            |              |
|                                                                   | 1,628,340        | 3,914,123    | 1,485,937            | 8,728          | 782,639               | 1,716,376           | 345,811                  | 83,410    | 5,274  | -                          | 9,970,638    |

Ternasuk di dalam Nilai Pembawa 31.12.2019 adalah aset subsidiari PKPS Livestock Farm Sdn Bhd bernilai RM 15,686,248 yang telah dikelaskan di bawah kategori Aset Semasa berikutan keputusan Lembaga Pengarah menghentikan operasi dan melaksanakan pembubaran dengan andaian usaha berterusan tidak sesuai dan nilai aset syarikat diturunkan kepada nilai yang boleh direalisasikan bersih.

## 3. Hartanah, Loji Dan Peralatan (sambungan)

| Perbadanan                                                        | Tanah<br>Pajakan &<br>Jalan/Infra<br>RM | Bangunan<br>RM | Kenderaan<br>RM | Loji dan<br>Jentera<br>RM | Alatan IT<br>dan perabot<br>RM | Billboard<br>RM | Kabin<br>RM | Kerja Dalam<br>Kemajuan<br>RM | Jumlah<br>RM |
|-------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|----------------|-----------------|---------------------------|--------------------------------|-----------------|-------------|-------------------------------|--------------|
| <b>Kos</b>                                                        |                                         |                |                 |                           |                                |                 |             |                               |              |
| Pada 1.1.2019                                                     | 192,924,107                             | 140,427,014    | 4,250,725       | 24,343,375                | 5,343,492                      | 663,313         | 52,740      | 1,393,098                     | 369,397,864  |
| Penambahan                                                        | 2,135,598                               | 15,318,720     | 454,174         | 923,260                   | 492,114                        | -               | 38,220      | 3,580,229                     | 22,942,315   |
| Pengkelasan/Pelarasn                                              | -                                       | 1,864,623      | -               | -                         | 7,300                          | -               | -           | (1,871,923)                   | -            |
| Pelupusan                                                         | (3,166,084)                             | -              | (1)             | -                         | (1,950)                        | -               | -           | -                             | (3,168,035)  |
| Pada 31.12.2019                                                   | 191,893,621                             | 157,610,357    | 4,704,898       | 25,266,635                | 5,840,956                      | 663,313         | 90,960      | 3,101,404                     | 389,172,144  |
| <b>Susutnilai terkumpul</b>                                       |                                         |                |                 |                           |                                |                 |             |                               |              |
| Pada 1.1.2019                                                     | 37,879,062                              | 36,212,116     | 2,254,025       | 11,957,303                | 3,943,759                      | 663,311         | 12,531      | -                             | 92,922,107   |
| Susutnilai bagi tahun<br>kewangan                                 | 3,217,306                               | 3,908,636      | 699,285         | 1,746,193                 | 402,887                        | -               | 6,986       | -                             | 9,981,293    |
| Pelupusan                                                         | (459,662)                               | (78)           | -               | -                         | (715)                          | -               | -           | -                             | (460,455)    |
| Pada 31.12.2019                                                   | 40,636,706                              | 40,120,674     | 2,953,310       | 13,703,496                | 4,345,931                      | 663,311         | 19,517      | -                             | 102,442,945  |
| <b>Nilai pembawa</b>                                              |                                         |                |                 |                           |                                |                 |             |                               |              |
| Pada 31.12.2019                                                   | 151,256,915                             | 117,489,683    | 1,751,588       | 11,563,139                | 1,495,025                      | 2               | 71,443      | 3,101,404                     | 286,729,199  |
| Pada 31.12.2018                                                   | 155,045,045                             | 104,214,898    | 1,996,700       | 12,386,072                | 1,399,733                      | 2               | 40,209      | 1,393,098                     | 276,475,757  |
| <b>Susutnilai bagi tahun<br/>kewangan berakhir<br/>31.12.2018</b> | 3,114,277                               | 3,326,440      | 652,103         | 1,241,679                 | 300,711                        | 83,410          | 5,274       | -                             | 8,723,894    |

### 3. Hartanah, Loji Dan Peralatan (sambungan)

- (a) Termasuk di dalam nilai pembawa hartanah, loji dan peralatan yang dicagar kepada bank berlesen sebagai jaminan untuk pinjaman berjangka adalah seperti berikut:

|               | Kumpulan          |                   | Perbadanan        |                   |
|---------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|               | 2019<br>RM        | 2018<br>RM        | 2019<br>RM        | 2018<br>RM        |
| Tanah pajakan | 2,134,766         | 2,163,766         | 2,134,766         | 2,163,766         |
| Bangunan      | 44,774,916        | 44,239,217        | 44,774,916        | 44,239,217        |
|               | <u>46,909,682</u> | <u>46,402,983</u> | <u>46,909,682</u> | <u>46,402,983</u> |

- (b) Perbadanan masih belum menerima beberapa geran hakmilik tanah pada kos sejumlah RM 58,068 (2018: RM 58,068) kerana masih dalam proses penukaran nama.
- (c) Tempoh yang tinggal bagi pajakan tanah jangka panjang adalah di antara 40 sehingga 74 (2018: 40 sehingga 75) tahun.

## 4. Aset Biologi - Mataing

|                                      | Kumpulan          |                   | Perbadanan        |                   |
|--------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|                                      | 2019<br>RM        | 2018<br>RM        | 2019<br>RM        | 2018<br>RM        |
| Pada kos:                            |                   |                   |                   |                   |
| Pada 1 Januari                       | 81,171,212        | 79,291,040        | 81,171,212        | 79,291,040        |
| Tambahan dalam tahun kewangan semasa | 1,038,271         | 1,880,172         | 1,038,271         | 1,880,172         |
| Pelupusan                            |                   |                   |                   |                   |
| Pada 31 Disember                     | <u>82,209,483</u> | <u>81,171,212</u> | <u>82,209,483</u> | <u>81,171,212</u> |
| Pelunasan:                           |                   |                   |                   |                   |
| Pada 1 Januari                       | 35,283,434        | 32,094,622        | 35,283,434        | 32,094,622        |
| Pelunasan bagi tahun kewangan semasa | 3,237,092         | 3,188,812         | 3,237,092         | 3,188,812         |
| Pelupusan                            |                   |                   |                   |                   |
| Pada 31 Disember                     | <u>38,520,526</u> | <u>35,283,434</u> | <u>38,520,526</u> | <u>35,283,434</u> |
|                                      | <u>43,688,957</u> | <u>45,887,778</u> | <u>43,688,957</u> | <u>45,887,778</u> |

## 5. Aset Biologi –Belum Matang

|                                            | Kumpulan/Perbadanan    |                                     |                          |
|--------------------------------------------|------------------------|-------------------------------------|--------------------------|
|                                            | Pada<br>1.1.2019<br>RM | Penambahan/<br>(Pengurangan)*<br>RM | Pada<br>31.12.2019<br>RM |
| Projek Ladang Bestari Jaya                 | 311,645                | (311,645)                           | -                        |
| Projek Penanaman Sawit Baru- Sg. Panjang   | 316,684                | (248,418)                           | 68,266                   |
| Projek Penanaman Sawit Baru- Ladang Editas | -                      | 413,569                             | 413,569                  |
| Projek Penanaman Sawit Baru- Ulu Tinggi    | 1,543,493              | 378,473                             | 1,921,966                |
| Projek Penanaman Sawit- Sg. Tenggi         | 3,409,078              | 643,813                             | 4,052,891                |
| Projek Pembangunan SFV                     | 2,997,364              | 1,882,492                           | 4,879,856                |
| Projek Pembangunan Agrotourism             | 454,019                | 136,942                             | 590,961                  |
| Projek Penanaman Sawit- Ulu Yam            | 200,842                | 196,174                             | 397,016                  |
| Projek Penanaman Semula Sawit - Kerling    | 105,935                | 599,843                             | 705,778                  |
| Projek Penanaman Sawit- Jelutong Jati      | 227,491                | 141,388                             | 368,879                  |
| Projek Pembangunan- Makmal Tisu Kultur     | 113,597                | 43,080                              | 156,677                  |
| Jumlah untuk Kumpulan dan Perbadanan       | <u>9,680,148</u>       | <u>3,875,711</u>                    | <u>13,555,859</u>        |

\* Terdiri daripada:

|                                        | Kumpulan         |                    | Perbadanan       |                    |
|----------------------------------------|------------------|--------------------|------------------|--------------------|
|                                        | 2019<br>RM       | 2018<br>RM         | 2019<br>RM       | 2018<br>RM         |
| Penambahan bagi tahun kewangan semasa  | 5,793,244        | 4,430,539          | 5,793,243        | 4,430,539          |
| Pengkelasan bagi tahun kewangan semasa | (1,038,272)      | (3,400,903)        | (1,038,271)      | (3,400,903)        |
| Pelupusan bagi tahun kewangan semasa   | (879,261)        | (6,931,992)        | (879,261)        | (6,931,992)        |
|                                        | <u>3,875,711</u> | <u>(5,902,356)</u> | <u>3,875,711</u> | <u>(5,902,356)</u> |

## 6. Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Subsidiari

## (a) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

|                                   | Perbadanan   |              |
|-----------------------------------|--------------|--------------|
|                                   | 2019<br>RM   | 2018<br>RM   |
| Saham tak tersiar harga pada kos: |              |              |
| Pada 1 Januari                    | 81,386,295   | 101,838,581  |
| Hapuskira                         | (69,822,291) | (20,452,286) |
| Pada 31 Disember                  | 11,564,004   | 81,386,295   |
| Peruntukan rosotnilai:            |              |              |
| Pada 1 Januari                    | 58,682,858   | 64,131,186   |
| Penambahan                        | 22,077,063   | 15,003,958   |
| Hapuskira                         | (69,822,291) | (20,452,286) |
| Pada 31 Disember                  | 10,937,630   | 58,682,858   |
|                                   | 626,374      | 22,703,437   |

## (b) Syarikat-syarikat subsidiari yang kesemuanya diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:

| Nama syarikat                                                                                      | Kepentingan ekuiti |           | Kegiatan utama                        |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|-----------|---------------------------------------|
|                                                                                                    | 2019<br>%          | 2018<br>% |                                       |
| PKPS Management Services Sdn Bhd<br>(dahulu dikenali sebagai PKPS Pineapple Industries Sdn. Bhd)   | 100                | 100       | Menyediakan Perkhidmatan Tenaga Kerja |
| PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.                                                                     | 100                | 100       | Tidak aktif                           |
| Selangor Oil Palm Industries Corporation(#)                                                        | -                  | 100       | Tidak aktif                           |
| PKPS Livestock Farm Sdn Bhd (#)<br>(dahulu dikenali sebagai Ladang Buah-Buahan Selangor Sdn. Bhd.) | -                  | 100       | Tidak aktif                           |

(#) Penyatuan kewangan tidak dibuat kerana operasi syarikat telah ditutup dan telah dikawal sepenuhnya oleh pelikuidasi yang dilantik.

## (c) Penyahgabungan syarikat subsidiari

Nilai saksama aset dan liabiliti syarikat-syarikat subsidiari yang diandaikan daripada penyahgabungan syarikat.

|                                                      | Kumpulan   |            |
|------------------------------------------------------|------------|------------|
|                                                      | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
| Aset bersih yang telah dinyahgabung :-               |            |            |
| Deposit                                              | 5,420      |            |
| Wang dibank dan ditangan                             | 5,033      | -          |
| Bahagian aset bersih dinyahgabungkan                 | 10,453     | -          |
| Kerugian daripada penyahgabungan syarikat subsidiari | (10,453)   | -          |
|                                                      | -          | -          |

## 7. Lain-lain pelaburan

| Perkara                               | Kumpulan           |                    | Perbadanan         |                    |
|---------------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
|                                       | 2019<br>RM         | 2018<br>RM         | 2019<br>RM         | 2018<br>RM         |
| <b>Pada kos :</b>                     |                    |                    |                    |                    |
| Saham tidak tersiar harga             | 15,000,000         | 10,000,000         | 15,000,000         | 10,000,000         |
| Unit amanah dengan institusi kewangan | 202,133,772        | 137,861,686        | 202,133,772        | 137,861,686        |
| Pada 31 Disember                      | <u>217,133,772</u> | <u>147,861,686</u> | <u>217,133,772</u> | <u>147,861,686</u> |
| <b>Nilai pasaran :</b>                |                    |                    |                    |                    |
| Saham tidak tersiar harga             | 15,000,000         | 10,000,000         | 15,000,000         | 10,000,000         |
| Unit amanah dengan institusi kewangan | 202,133,772        | 129,909,755        | 202,133,772        | 129,909,755        |
|                                       | <u>217,133,772</u> | <u>139,909,755</u> | <u>217,133,772</u> | <u>139,909,755</u> |

## 8. Muhibah Daripada Penyatuan

|                                      | Kumpulan   |                |
|--------------------------------------|------------|----------------|
|                                      | 2019<br>RM | 2018<br>RM     |
| Pada 1 Januari                       | 470,487    | 588,110        |
| Pelunasan bagi tahun kewangan semasa | (470,487)  | (117,623)      |
| Pelupusan bagi tahun kewangan semasa | -          | -              |
| Pada 31 Disember                     | <u>-</u>   | <u>470,487</u> |

## 9. Aset Biologi Ternakan

| Perkara                     | Kumpulan   |            | Perbadanan |            |
|-----------------------------|------------|------------|------------|------------|
|                             | 2019<br>RM | 2018<br>RM | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
| <b>Kos</b>                  |            |            |            |            |
| Pada 1 Januari              | 842,308    | 1,531,980  | -          | -          |
| Penambahan                  | -          | -          | 782,806    | -          |
| Penjualan                   | -          | (689,672)  | (782,806)  | -          |
| Penyahgabungan              | (842,308)  | -          | -          | -          |
| Pada 31 Disember            | -          | 842,308    | -          | -          |
| <b>Susutnilai terkumpul</b> |            |            |            |            |
| Pada 1 Januari              | 59,502     | 100,920    | -          | -          |
| Susutnilai bagi tahun       | -          | 68,096     | -          | -          |
| Penjualan                   | -          | (109,514)  | -          | -          |
| Penyahgabungan              | (59,502)   | -          | -          | -          |
| Pada 31 Disember            | -          | 59,502     | -          | -          |
| <b>Nilai Buku Bersih</b>    |            |            |            |            |
| Pada 31 Disember            | -          | 782,806    | -          | -          |

## 10. Pelaburan Jangka Pendek

Ini merupakan pelaburan yang diuruskan oleh pengurus-pengurus dana:

|                                       | Kumpulan   |            | Perbadanan |            |
|---------------------------------------|------------|------------|------------|------------|
|                                       | 2019<br>RM | 2018<br>RM | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
| Pada 1 Januari                        | 1,063,684  | 680,287    | 761,280    | 680,287    |
| Jualan bagi tahun kewangan semasa     | 10,252     | -          | -          | -          |
| Penambahan bagi tahun kewangan semasa | 56,452     | 383,397    | 56,452     | 80,993     |
| Pada 31 Disember                      | 1,130,388  | 1,063,684  | 817,732    | 761,280    |
| <b>Nilai pasaran:</b>                 |            |            |            |            |
| Saham-saham disiarharga               | 839,390    | 711,147    | 526,734    | 408,744    |

**11. Inventori**

|                                 | Kumpulan       |                | Perbadanan     |                |
|---------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|                                 | 2019<br>RM     | 2018<br>RM     | 2019<br>RM     | 2018<br>RM     |
| Pada kos:                       |                |                |                |                |
| Perladangan (baja/diesel/racun) | 930,629        | 654,450        | 930,629        | 654,450        |
| Ubat-ubatan & makanan ternakan  | -              | 55,830         | -              | -              |
|                                 | <u>930,629</u> | <u>710,280</u> | <u>930,629</u> | <u>654,450</u> |

**12. Belum Terima Dagangan**

|                                        | Kumpulan          |                   | Perbadanan        |                   |
|----------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|                                        | 2019<br>RM        | 2018<br>RM        | 2019<br>RM        | 2018<br>RM        |
| Belum terima dagangan                  | 61,108,250        | 22,494,974        | 61,115,800        | 22,436,586        |
| Tolak: Peruntukan kerugian rosot nilai |                   |                   |                   |                   |
| Pada 1 Januari                         | 76,651            | 272,989           | 84,201            | 33,837            |
| Rosot nilai dalam tahun semasa         | 80,231            | 30,027            | 80,231            | 50,364            |
| Hapus kira pada tahun semasa           | (148,975)         | (226,365)         | (148,975)         | -                 |
| Pada 31 Disember                       | <u>7,907</u>      | <u>76,651</u>     | <u>15,457</u>     | <u>84,201</u>     |
|                                        | <u>61,100,343</u> | <u>22,418,323</u> | <u>61,100,343</u> | <u>22,352,385</u> |

Syarat-syarat kredit perdagangan biasa yang diberikan kepada Kumpulan dan Perbadanan adalah 15 hingga 90 hari dan 30 hingga 90 hari (2018: 15 hingga 90 dan 30 hingga 90 hari) masing-masing.

Belum terima dagangan Perbadanan adalah termasuk penghutang jualan tanah RM 55,517,510 (2018: RM 16,557,488).

**13. Belum Terima Lain**

|                   | Kumpulan          |                  | Perbadanan        |                  |
|-------------------|-------------------|------------------|-------------------|------------------|
|                   | 2019<br>RM        | 2018<br>RM       | 2019<br>RM        | 2018<br>RM       |
| Belum terima lain | 1,684,989         | 971,120          | 1,886,205         | 1,118,429        |
| Cagaran           | 1,072,952         | 1,083,852        | 1,072,952         | 1,083,852        |
| Prabayar          | 19,724,959        | 294,433          | 19,724,959        | 294,433          |
| Deposit           | 13,653            | 38,745           | 892               | 985              |
|                   | <u>22,496,553</u> | <u>2,388,150</u> | <u>22,685,008</u> | <u>2,497,699</u> |

Termasuk di dalam amaun prabayar adalah bayaran pajakan tanah kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 21 tahun sebanyak RM 2,605,048, bayaran cukai kepada LHDN sebanyak RM 695,823 dan bayaran terdahulu pembelian tanah di Sungai Sapi berjumlah RM16,308,070.

## 14. Jumlah Terhutang oleh/(kepada) Syarikat-syarikat Subsidiari

|                                                      | Perbadanan       |                  |
|------------------------------------------------------|------------------|------------------|
|                                                      | 2019<br>RM       | 2018<br>RM       |
| Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari   | -                | 2,033,504        |
| Tolak: Peruntukan kerugian rosot nilai               | -                | (404,857)        |
|                                                      | <u>-</u>         | <u>1,628,647</u> |
| Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari | <u>6,197,162</u> | <u>6,194,375</u> |

Ini merupakan transaksi perniagaan yang tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai sebarang tempoh pembayaran balik yang tetap.

Pergerakan peruntukan kerugian rosot nilai dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:-

|                              | Perbadanan |                |
|------------------------------|------------|----------------|
|                              | 2019<br>RM | 2018<br>RM     |
| Pada 1 Januari               | 404,857    | 404,857        |
| Hapus kira pada tahun semasa | (404,857)  | -              |
| Pada 31 Disember             | <u>-</u>   | <u>404,857</u> |

## 15. Simpanan Tetap Dengan Bank Berlesen

Kadar faedah simpanan tetap Kumpulan dan Perbadanan pada tarikh lembaran imbangan adalah di antara 3.00% hingga 4.85% dan 4.65% hingga 4.85% (2018: 3.00% hingga 4.85% dan 4.65% hingga 4.85%) setahun masing-masing.

Tempoh matang untuk simpanan tetap Kumpulan dan Perbadanan adalah 1,095 hari (2018: 1,095 hari) masing-masing.

## 16. Pinjaman Bank

|                                      | Kumpulan          |                   | Perbadanan       |                  |
|--------------------------------------|-------------------|-------------------|------------------|------------------|
|                                      | 2019<br>RM        | 2018<br>RM        | 2019<br>RM       | 2018<br>RM       |
| Bercagar:                            |                   |                   |                  |                  |
| Pinjaman berjangka                   | <u>12,879,432</u> | <u>15,090,696</u> | <u>1,913,000</u> | <u>4,517,000</u> |
|                                      | 12,879,432        | 15,090,696        | 1,913,000        | 4,517,000        |
| Tidak bercagar:                      |                   |                   |                  |                  |
| Pinjaman berjangka daripada Kerajaan | <u>40,100,000</u> | <u>40,100,000</u> | <u>-</u>         | <u>-</u>         |
|                                      | <u>52,979,432</u> | <u>55,190,696</u> | <u>1,913,000</u> | <u>4,517,000</u> |

**16. Pinjaman Bank (sambungan)**

|                                                   | Kumpulan          |                   | Perbadanan       |                  |
|---------------------------------------------------|-------------------|-------------------|------------------|------------------|
|                                                   | 2019<br>RM        | 2018<br>RM        | 2019<br>RM       | 2018<br>RM       |
| Bayaran balik dalam tempoh setahun                | 10,386,498        | 10,877,710        | 1,913,000        | 2,604,000        |
| Bayaran balik dalam tempoh satu dan lima tahun    | 42,592,934        | 44,312,986        | -                | 1,913,000        |
|                                                   | <u>52,979,432</u> | <u>55,190,696</u> | <u>1,913,000</u> | <u>4,517,000</u> |
| Dianalisa sebagai:                                |                   |                   |                  |                  |
| Bayaran balik dalam tempoh setahun                | 10,386,498        | 10,877,710        | 1,913,000        | 2,604,000        |
| Bayaran balik dalam tempoh lebih daripada setahun | 42,592,934        | 44,312,986        | -                | 1,913,000        |
|                                                   | <u>52,979,432</u> | <u>55,190,696</u> | <u>1,913,000</u> | <u>4,517,000</u> |

**Pinjaman berjangka****Pinjaman oleh Perbadanan**

- i. HSBC Amanah Berhad – RM 1,913,000 ( 2018 : RM4,517,000)

Pinjaman ini diperolehi untuk pembiayaan semula pembinaan bangunan Perbadanan. Tempoh bayaran balik ialah 10 tahun secara bulanan yang telah ditentukan oleh institusi kewangan. Margin keuntungan yang dikenakan adalah pada kadar 4.90 % - 5.90 % setahun (COF + 1.5%) .

Cagaran untuk pinjaman ini adalah gadaian ke atas tanah dan bangunan Wisma PKPS milik Perbadanan.

**Pinjaman oleh syarikat-syarikat subsidiari**

- i. PKPS Agro Industries Sdn Bhd – RM 51,066,432 (2018: RM 50,673,696 )

